

# UPM, FAMA jalin MoU lahir graduan

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan menjalankan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi melahirkan usahawan muda dalam bidang pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Hashim Abdullah berkata, melalui kerjasama itu FAMA akan membantu graduan terlibat memasarkan produk pertanian yang mereka usahakan di bawah Program Inkubasi Usahawantani.

“FAMA akan menyediakan tempat untuk graduan menjual produk mereka antaranya di bazar Ramadan,” katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dengan FAMA di Puchong dekat sini hari ini.

Dalam pada itu katanya, Program Inkubasi Usahawantani yang dilaksanakan Februari lalu telah berjaya menarik 38 peserta terdiri daripada graduan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dengan enam daripadanya telah menubuhkan syarikat.

“Graduan yang berwibawa akan ditawarkan peluang bagi melaksanakan projek pertanian selain mengikuti kursus khas untuk bakal usahawan pertanian.

“Terdapat tiga modul utama akan diterapkan dalam kursus berkenaan iaitu tanaman, akuakultur dan bioteknologi dengan peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM2.813 juta.

“Kita galakkan generasi muda menggunakan teknologi moden untuk terbabit dalam pertanian dan sasaran kita ialah pelajar lepasan universiti,” katanya

Mohd. Hashim berkata, program itu amat baik kerana ia menggunakan kepakaran universiti seperti alatan dan tenaga pengajar selain teknologi yang mereka cipta.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi menandatangani MoU tersebut bagi pihak UPM manakala FAMA diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Ahmad Ishak.

Hadir menyaksikan majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor; Pengerusi FAMA, Tan Sri Badruddin Amirul din dan Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin.

Pada majlis itu, seramai 38 peserta pertama program berkenaan diberikan kad keahlian MyAgroSis.

Sementara itu, Radin Umar berkata, kursus tersebut adalah percuma dan setiap peserta diberi

elaun RM1,000 sebulan bagaimanapun ia hanya ditawarkan kepada yang betul-betul

menunjukkan minat tanpa mengira bidang pengajian untuk menjadi usahawan tani.